

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

# AKHLAK

## TAHAP ASAS



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

Edisi Pertama

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

# AKHLAK

## TAHAP ASAS



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

Edisi Pertama

Cetakan Pertama, 2021  
©Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 2021

**Hak cipta terpelihara.** Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindah kepada bentuk lain sama ada dalam bentuk termasuk elektronik, mekanikal, gambar, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa mendapat izin daripada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia  
Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

ISBN 978-967-25609-4-4

Encik Kamarulzaman Kawi, Prof. Madya Dr. Mariam Abd. Majid, Dr. Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao

1. Pengajian Untuk Muallaf
2. Pengajian Akhlak Tahap Asas- Religious Aspects-Islam  
I.Judul

#### **Penerbit**

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)  
Ibu Pejabat PERKIM Kebangsaan  
Tingkat 4 & 6, Bangunan PERKIM  
150, Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh)  
51200 Kuala Lumpur

Laman sesawang: [www.perkim.net.my](http://www.perkim.net.my)  
Tel: 03-40412482/ 03-40426224  
Faks: 03-40427403  
Website: <https://perkim.net.my>  
Emel: [info@perkim.net.my](mailto:info@perkim.net.my)

#### **Pencetak**

Sarjana Media Sdn. Bhd.  
No.38, Jalan Usahawan 7 Off Jalan Kilang  
Taman Sri Rampai, Wilayah Persekutuan  
53300 Kuala Lumpur  
Tel 03 41417424

## **EDITORIAL**

### **Penasihat**

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor

### **Ketua Editor**

Tuan Haji Mamat Che Chik

### **Penolong Ketua Editor**

Dr. Suariza@Hidayah Muhammad

### **Editor**

Encik Muhammad Farhan Tee Abdullah

Encik Muhammad Jais Mariappan Abdullah

Puan Siti Munirah Sayed Mohd Hamdan

Puan Nur Syahirah Musa

Encik Abdul Qawi Navine Abdullah

Encik Mohd Yusoff Ahmad

Encik Ghazali Ismail

Encik Mohamad Nizam Abd Razak

Cik Zaatil Hidaayah Ahmad Bustaman

Puan Wan Zubaidah Wan Yusoff

Puan Rukiah Sungip

Encik Zafri Ismaiskandar Abdul Ghani

Encik Sh Muhammad Amiruddin Sh Sulaiman

Haji Khalid Mohd Noor

Encik Syed Azman Syed Ariffin

Puan Siti Nasyrah Rosli

Encik Muhammad Faiz Md Yusoff

Haji Mohd Subri Jaafar

Puan Rosnaliza Ahmadiyah

Puan Aishah Abdul Wahab

Encik Mohd Jogi Panjaitan Maruli

Dr. Mohd Faisal Mohamed

Encik Abdul Ghani Abdullah

Encik Ali Abdullah @ Lee Kin Hong

Puan Nur Habeebah Muniandi

**Sidang Editorial**

Prof. Madya Dr. Razaleigh Muhamat @ Kawangit  
Prof. Madya Dr. A'dawiyah Ismail  
Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Mat Rani  
Prof. Madya Dr. Mariam Abd. Majid  
Dr. Muhammad Yusuf Marlon Abdullah  
Dr. Nor Raudah Hj. Siren  
Dr. Muhammad Ayman al-Akiti  
Dr. Aisyah Jami'an, S.Ag  
Dr. Azri Bhari  
Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif  
Dr. Amiratul Munirah Yahaya  
Dr. Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao  
Dr. Faezy Adenan  
Encik Ahmad A'toa' Mokhtar  
Encik Kamarulzaman Kawi

**Urusetia**

Encik Firdaus Lokman Tah  
Encik Ahmad Hasaidi Said  
Encik Muhammad Hizam Abdul Rahim  
Cik Nur Shazleen R. Samsul Bahari  
Cik Umi Musfirah Abdul Ghani

## **PENDAHULUAN**

Buku Pengajian Akhlak Tahap Asas ini digunakan untuk membimbing mualaf yang baharu hendak mengenali Islam atau orang bukan Islam yang berminat untuk memahami tentang Islam.

Buku pengajian ini memberikan pendedahan dan pemahaman bagi membimbing seseorang Muslim itu menjadi seorang Muslim yang beriman, bertakwa serta berakhlak mulia.

Akhlak adalah lambang kesempurnaan iman dan ketinggian takwa serta akan mendapat rahmat Allah SWT.

Kesempurnaan agama Islam meletakkan manusia di tempat yang paling mulia berbanding penciptaan yang lain. Kejadian Nabi Adam AS sebagai manusia pertama merupakan bukti keperluan kewujudan manusia yang akan bertindak memakmurkan muka bumi yang sudah sedia diciptakan oleh Allah SWT serta Nabi Muhammad SAW sebagai contoh ikutan sebaik-baik akhlak.

Oleh itu, buku ini diterbitkan kepada mualaf yang mahu membentuk diri dalam tingkah laku sebagaimana yang dianjurkan dalam Islam. Berdasarkan dengan prinsip Islam yang berpandukan al-Quran dan as-Sunah sebagai rujukan dan panduan dalam kehidupan seharian.

# KANDUNGAN

## BAHAGIAN 1 - AKHLAK

1. AKHLAK.....	1
1.1    Pengertian Akhlak.....	2
1.2    Dalil-dalil Berakhlak .....	3
1.3    Keutamaan Akhlak.....	5
1.4    Perbezaan Antara Akhlak, Moral dan Etika.....	13
1.5    Asas-asas Pembinaan Akhlak Islam .....	15
1.6    Kepentingan Berakhlak .....	18

## BAHAGIAN 2 - AKHLAK MULIA

2. AKHLAK MULIA .....	25
2.1    Ikhlas .....	26
2.2    Sabar .....	27
2.3    Istiqamah .....	31
2.4    Baik Hati .....	34
2.5    Syukur.....	37
2.6    Kerjasama.....	40
2.7    Menghargai Masa .....	43
2.8    Kasih Sayang.....	47
2.9    Jujur .....	49
2.10   Yakin.....	51
2.11   Reda .....	53
2.12   Adil.....	54

## BAHAGIAN 3 - KESIMPULAN

3 KESIMPULAN .....	57
--------------------	----

# BAHAGIAN 1

## AKHLAK

### 1. AKHLAK

Agama Islam menitik beratkan akhlak mulia. Allah SWT telah mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai pesuruh Allah SWT dan untuk menyempurnakan akhlak umat manusia.

Sebelum kedatangan Islam, masyarakat menjalani kehidupan jahiliah berada dalam keadaan akhlak yang buruk iaitu saling bersengketa antara satu sama lain, membunuh anak dan seumpamanya. Jahiliah menjadikan sebahagian manusia hamba kepada sebahagian yang lain. Selain itu menggunakan hak penggubalan undang-undang, peraturan, nilai dan konsep hidup kepada manusia walaupun ia terpesong daripada kehendak dan perintah Allah SWT. Seperti menanam anak perempuan hidup-hidup.

Akhlak mulia penting dimiliki oleh seorang Muslim. Akhlak mulia membawa insan kepada wadah kehidupan yang mulia serta berupaya memberi kebahagiaan di dunia dan akhirat. Setiap Muslim dituntut untuk berakhlak dengan akhlak yang terpuji serta menjauhi akhlak yang keji yang boleh menjauhkan insan dari mendapat keridaan Allah SWT.

Kemuliaan akhlak Rasulullah SAW perlu dijadikan contoh ikutan sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzaab (33) ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا

اللَّهِ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا



**Maksudnya:** *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang) (21)*

Hadis Riwayat Imam Ahmad (8953), Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

**Bermaksud:** *“Sesungguhnya aku tidak diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”*

Al-Quran dan al-Sunah merupakan sumber rujukan utama dalam usaha pembinaan dan pembentukan akhlak. Akhlak yang mulia (*mahmudah*) dan akhlak yang keji (*mazmumah*) adalah dua neraca utama dalam menentukan akhlak seseorang Muslim. Akhlak mulia menatijahkan kehidupan dunia dan akhirat yang membahagiakan. Sebagai Muslim, kita diseru agar berakhlak dengan sifat-sifat mulia yang terpuji dan menjauhi sifat-sifat keji. Sifat-sifat mulia seperti amanah, benar, ikhlas, sabar, reda, ihsan, tolong menolong dan berkasih sayang. Sifat-sifat keji yang perlu dijauhi seperti riak, hasad, sombong, takbur, bakhil, khianat dan sebagainya.

## 1.1 Pengertian Akhlak

Perkataan Akhlak “أَخْلَاقٌ” jamak bagi perkataan Khuluk, iaitu “خُلُقٌ”.

**Pengertian dari Segi Bahasa:** Budi pekerti, watak, kelakuan dan tabiat

**Pengertian dari Segi Istilah:** Akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa yang melahirkan pelbagai perbuatan baik atau buruk tanpa memerlukan pertimbangan.

Akhlak mulia yang dimiliki dapat dilihat daripada sikap dan tingkah laku seseorang. Tingkah laku serta amalan akhlak mulia diaplikasikan dalam hubungan terhadap Allah SWT, sesama manusia, haiwan dan juga alam persekitarannya.

Akhlak boleh dilihat dari dua dimensi iaitu akhlak luaran yang dapat dilihat pada tingkah laku secara zahir dan akhlak dalaman yang tidak dapat dilihat secara zahir. Tingkah laku yang zahir seperti solat, bersedekah, usaha mencari ilmu dan sebagainya manakala amalan-amalan dalaman seperti ikhlas, sabar dan reda cetusan pemikiran seperti pandangan dan idea.

## 1.2 Dalil-dalil Berakhlak

Al-Quran dan al-Sunah adalah sumber panduan bagi manusia dalam membentuk akhlak mulia. Banyak dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis menjelaskan berkaitan contoh akhlak-akhlak mulia yang perlu dimiliki. Akhlak boleh menyebabkan seseorang menerima ganjaran pahala, rahmat dan kasih sayang daripada Allah SWT.

Begitu juga sebaliknya, akhlak yang buruk boleh membawa dosa di dunia serta kemurkaan Allah SWT. Syurga adalah tempat disediakan bagi hamba-hamba yang memiliki akhlak mulia sebaliknya neraka adalah tempat mereka yang berakhlak buruk atau keji. Allah SWT menjelaskan tentang akhlak Rasulullah SAW menerusi firman Allah SWT dalam Surah al-Qalam (68) ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

**Maksudnya:** Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia. (4)

Dalam perkara ini, Saidatina Aisyah RA sendiri memperakui bahawa akhlak Baginda Rasulullah SAW adalah al-Quran. Akhlak Rasulullah SAW cerminan dari al-Quran yang menjadi contoh teladan kepada ummah. Ini dinyatakan dalam hadis riwayat Imam Ahmad (24629):

سُئِلَتْ عَائِشَةُ عَنْ خُلُقِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
، فقالت : كان خُلُقُهُ الْقُرْآنَ

**Bermaksud:** *Aisyah ditanya berkaitan akhlak Rasulullah SAW. Maka Aisyah menjawab, "Akhlak Nabi SAW adalah al-Quran".*

Hadis riwayat Imam at-Thabrani (2894) daripada Husain bin Ali RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda :

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ مَعَالِيَ الْأُمُورِ وَأَشْرَافَهَا، وَيَكْرَهُ  
سَفْسَافَهَا

**Bermaksud:** *"Sesungguhnya Allah SWT menyukai perkara-perkara (akhlak-akhlak) yang tinggi dan mulia dan Allah SWT membenci perkara-perkara (akhlak-akhlak) yang keji".*

Berdasarkan hadis ini, kita dapat memahami bahawa orang yang bersifat mulia akan dikasihi oleh Allah SWT, sebaliknya orang yang bersifat buruk dan keji dibenci oleh Allah SWT. Oleh itu, ajaran Islam sangat menitikberatkan aspek akhlak atau budi pekerti yang baik dalam kehidupan individu, masyarakat dan negara.

### 1.3 Keutamaan Akhlak

Keutamaan akhlak jelas apabila akhlak merupakan antara asas dalam Islam selain akidah dan syariat. Perincian keutamaan akhlak menurut pandangan Islam dikemukakan seperti berikut:



Rajah 1: Keutamaan Akhlak Menurut Pandangan Islam

### 1.3.1 Akhlak Mencerminkan Keimanan

Akhlak adalah cerminan keimanan seseorang hamba kepada Allah SWT. Dari erti kata lain, akhlak adalah antara bukti keimanan seseorang apabila keimanan yang sempurna dapat dilihat dengan kemuliaan akhlaknya. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad (7095):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا وَخَيْرُهُمْ خِيَارُهُمْ لِنِسَائِهِمْ

**Bermaksud:** *Dari Abu Hurairah, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Orang-orang mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya, dan yang terbaik di antara mereka adalah yang terbaik terhadap isteri-isterinya".*

Hadis ini menjelaskan bahawa kesempurnaan iman seseorang itu dicerminkan dengan penampilan akhlak yang baik. Seorang Muslim yang beriman sentiasa menyantuni manusia lain.

### 1.3.2 Akhlak Membantu Laluan ke Syurga

Akhlak mulia memberatkan timbangan amalan seseorang di akhirat kelak. Manusia yang berat timbangan amalan kebajikannya akan dimasukkan ke syurga Allah SWT, sebaliknya mereka yang berat amalan kejahatannya akan dimasukkan ke neraka. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi (1925):

أن النبي صلى الله عليه وسلم ما شيء أثقل في ميزان المؤمن يوم القيامة من خلق حسن، فإن الله تعالى ليُبغضُ الفاحشَ البذيء. قال أبو عيسى وفي الباب عن عائشة وأبي هريرة وأنس وأسامة بن شريك وهذا حديث حسن صحيح.

**Bermaksud:** Nabi SAW bersabda, "Tidak ada sesuatu yang lebih berat dalam timbangan seorang mukmin pada hari kiamat daripada akhlak yang baik. Sesungguhnya Allah amatlah murka terhadap seorang yang keji lagi jahat." Abu Isa berkata; Hadith lain yang diriwayatkan dari Aisyah, Abu Hurairah, Anas dan Usamah bin Syarik. Dan hadith ini adalah hadith hasan sahih.

Hadis ini menjelaskan kepada kita bahawa seseorang mukmin yang berakhlak mulia berupaya menambah berat timbangan amalan kebajikannya. Ini selaras dengan hadis riwayat Imam at-Tirmizi (1927) daripada Abu Hurairah RA:

سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ الْجَنَّةَ. فَقَالَ تَقْوَى اللَّهِ وَحُسْنُ الْخُلُقِ. وَسُئِلَ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ النَّارَ؟ فَقَالَ: الْقَمَمُ وَالْقَرْحُ.

**Bermaksud:** *Rasulullah SAW pernah ditanya tentang sesuatu yang paling banyak memasukkan seseorang ke dalam syurga, maka Baginda menjawab, “Takwa kepada Allah SWT dan berakhlak mulia”. Lalu Rasulullah SAW ditanya lagi berkaitan sebab kebanyakan manusia dimasukkan ke dalam neraka? Rasulullah SAW menjawab: “Mulut dan kemaluan”.*

Hadis ini menjelaskan bahawa sifat takwa dan akhlak yang baik sebagai faktor manusia diterima masuk ke syurga, sebaliknya disebabkan salah guna nikmat kurniaan Allah SWT terhadap anggota tubuh badan boleh menyebabkan seseorang itu dimasukkan ke dalam neraka. Perbuatan menabur fitnah, mencaci dan seumpamanya adalah antara contoh kebinasaan yang berpunca daripada penyalahgunaan nikmat mulut yang dimiliki oleh seseorang manusia. Ini kerana kesan fitnah ekor percakapan dari mulut yang tidak dijaga boleh menyebabkan insan lain merasa terhina dan maruah tercalar kerana bahaya fitnah itu lebih dasyat daripada membunuh.

### 1.3.3 Menyempurnakan Risalah Islam

Nabi Muhammad SAW diutuskan oleh Allah SWT untuk mengajak manusia agar beriman kepada Allah SWT iaitu satu-satunya tuhan yang layak disembah.

Selain itu, Nabi Muhammad SAW turut membawa nilai-nilai akhlak yang mulia dalam menyempurnakan risalah Islam agar dapat dijadikan panduan dan ikutan seluruh umat manusia. Sabda Rasulullah SAW sebagaimana dalam hadis riwayat Ahmad (8953):

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

**Bermaksud:** “*Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.*”

Rasulullah SAW diutuskan untuk memberi panduan kepada umatnya dengan mencontohi akhlak Rasulullah SAW dalam segala aspek kehidupan. Allah SWT juga merakamkan dalam al-Quran bahawasanya Rasulullah SAW merupakan contoh ikutan terbaik untuk setiap hamba-Nya sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Ahzaab (33) ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن  
كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا



**Maksudnya:** *Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang) (21)*

Sebagai seorang Muslim yang beriman dengan Allah SWT dan Rasulullah SAW, kita perlu menjadikan sunnah kehidupan Rasulullah SAW untuk diteladani dan diikuti.

#### **1.3.4 Akhlak Pemacu Ketamadunan Manusia**

Akhlak mulia menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup bagi seseorang manusia dalam masyarakat dan negara. Dari sudut sejarah, kerajaan Andalusia mencapai kecemerlangan ketamadunannya apabila



meletakkan prinsip akhlak dalam setiap bidang kehidupan merangkumi aspek perundangan, kesenian, sastera, ekonomi, politik dan sebagainya. Sejarah telah membuktikan bahawa ketamadunan Rom yang hebat satu ketika dahulu telah runtuh akibat kepincangan akhlak masyarakat mereka.

Al-Quran menjelaskan bahawa antara faktor utama menyebabkan kemajuan, ketinggian, atau kemusnahan sesebuah tamadun manusia adalah disumbangkan oleh faktor mulia atau buruknya akhlak masyarakat sesebuah tamadun. Krisis moral atau keruntuhan akhlak yang berlaku dalam sesuatu tamadun itu menjadi penyumbang terhadap keruntuhan sesuatu ketamadunan. Antara kisah yang dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran ialah kemusnahan kaum Nabi Lut AS ekoran tingkah laku buruk yang dilakukan. Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raaf (7) ayat 80-84:

وَلَوْظًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَلْحِشَةَ مَا  
سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿٨٠﴾ إِنَّكُمْ  
لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ  
قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿٨١﴾ وَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَنْ  
قَالُوا أَخْرِجُوهُمْ مِّنْ قَرْيَتِكُمْ ۖ إِنَّهُمْ  
يَتَطَهَّرُونَ ﴿٨٢﴾ فَأَنْجَيْنَاهُ وَأَهْلَهُ إِلَّا امْرَأَتَهُ  
وَكَانَتْ مِنَ الْغَابِرِينَ ﴿٨٣﴾ وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا  
فَانظُرْ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُجْرِمِينَ ﴿٨٤﴾

**Maksudnya:** Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? (80) "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas". (81) Dan tidak ada jawab dari kaumnya selain daripada berkata: "Usirlah mereka (Nabi Lut dan pengikut-pengikutnya yang taat) dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang (mendakwa) mensucikan diri". (82) Maka Kami selamatkan dia dan keluarganya (serta pengikut-pengikutnya) melainkan isterinya, adalah ia dari orang-orang yang dibinasakan. (83) Dan Kami telah menghujani mereka dengan hujan (batu yang membinasakan). Oleh itu, lihatlah, bagaimana akibat orang-orang yang melakukan kesalahan. (84)

Ayat ini menceritakan kisah kaum Nabi Lut AS yang melakukan akhlak buruk iaitu perbuatan homoseksual dan lesbian. Allah SWT telah menurunkan azab kepada mereka ekoran perbuatan keji yang dilakukan.

Akhlak yang keji sangat dilarang dalam Islam. Allah SWT mendatangkan azab kepada mereka yang melakukan perbuatan yang keji jika tidak segera bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah SWT.

### 1.3.5 Pendekatan Dakwah Berkesan

Keindahan akhlak Islam yang ditunjukkan oleh orang Islam berupaya menarik minat manusia untuk lebih mendekati agama Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa keindahan akhlak Rasulullah SAW telah menawan hati masyarakat Islam dan bukan Islam pada ketika itu sehingga terdapat dalam kalangan golongan bukan Islam memeluk Islam disebabkan terpicat dengan keindahan akhlak yang dimiliki oleh Rasulullah SAW. Rasulullah SAW terkenal sebagai seorang yang pemaaf dan memiliki tingkah laku yang baik. Allah SWT mengganjari manusia yang memiliki sifat memaafkan dan yang melakukan kebaikan. Firman Allah SWT dalam Surah asy-Syura (42) ayat 40:

وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ  
فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿٤٠﴾

**Maksudnya:** *Dan (jika kamu hendak membalas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim. (40)*

Islam mendidik umatnya agar memiliki akhlak yang baik sesama manusia seperti bersifat pemaaf dan berbuat amal kebaikan. Segala perselisihan atau pergaduhan dapat dileraikan dengan kaedah memaafkan antara satu sama lain. Sesuatu kejahatan yang dibalas dengan

kebaikan adalah bukti ketinggian keimanan dan ilmu seseorang.



Gambar 1: Menyebarkan Kebaikan Tanpa Mengira Agama, Bangsa dan Budaya

#### 1.4 Perbezaan Antara Akhlak, Moral dan Etika

Terdapat perbezaan terhadap perkataan akhlak, moral dan etika:

**Akhlak:** Adalah sistem tingkah laku manusia yang berasaskan wahyu atau syarak.

**Moral:** Sesuatu tingkah laku yang telah ditentukan oleh etika. Baik atau buruk tingkah laku adalah bergantung kepada etika seseorang individu.

**Etika:** Etika berasal dari Bahasa Greek iaitu *ethos* merupakan sistem tingkah laku manusia yang bersumberkan falsafah atau daya manusia. Ia bermaksud nilai atau perkara yang berkaitan sikap yang menentukan tingkah laku individu.

**Wujud perbezaan yang jelas di antara akhlak dan etika seperti berikut:**

- 1) Akhlak merupakan sistem yang menilai tindakan zahir dan batin insan. Manakala moral sekadar menilai tindakan luaran insan sahaja.
- 2) Akhlak merangkumi pemikiran, perasaan dan niat dalam hubungan dengan Allah SWT, hubungan antara manusia dan hubungan dengan semua makhluk ciptaan Allah SWT. Berbeza dengan moral yang tidak mengutamakan hubungan antara Allah SWT dan sesama manusia.
- 3) Nilai akhlak bersumberkan al-Quran dan contoh teladan daripada Rasulullah SAW, manakala moral ditentukan oleh manusia.
- 4) Nilai-nilai akhlak bersifat kesempurnaan dan mutlak manakala nilai-nilai moral bersifat sementara dan subjektif.

#### **1.4.1 Contoh-contoh Perbezaan Antara Akhlak, Moral dan Etika**

Perbincangan tentang konsep akhlak adalah sesuatu yang luas dan sempurna. Antara contoh-contoh perbedaannya seperti dalam persoalan pergaulan, bersalaman dan aurat.

Dalam persoalan aurat, Muslim diwajibkan menutup aurat. Sekiranya tidak menutup aurat Muslim tersebut dikira telah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan tuntutan agama dan akhlak Islamiah. Ini berbeza dengan non-Muslim sekiranya tidak menutup aurat dan melakukan kebaikan dan kebajikan ia tetap dipandang mulia pada mata masyarakat.

Pergaulan bebas menjadi satu fenomena dan kelaziman masyarakat di Barat dan meresap ke dalam masyarakat luar. Perkara ini dianggap kebiasaan dalam penilaian Barat. Namun dalam Islam pergaulan sesama lelaki dan

perempuan mempunyai panduan batasannya yang tertentu. Pergaulan bebas dalam Islam dianggap tidak berakhlak dan ianya bertentangan dengan ajaran Islam.

Demikian juga perbuatan bersalaman di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram adalah haram menurut Islam, namun dalam sistem moral ia adalah perkara biasa dan dibolehkan.

## 1.5 Asas-asas Pembinaan Akhlak Islam

Akhlak Islam didirikan dari asas-asas yang mantap dan kukuh. Penggabungan tiga perkara utama iaitu ilmu, iman dan amal menentukan pembinaan akhlak. Oleh itu, dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman dan pengamalan akhlak bagi seseorang Muslim, peranan ilmu dan pendidikan Islam perlu dititik beratkan.

Seringkali kita mendengar kalimah “Berilmu”, “Beriman” dan “Beramal”. Maka jelaslah kepada kita bahawa ketiga-tiga kalimah ini mempunyai konsepnya yang tersendiri. Dengan penggabungan ketiga-tiga konsep ini, ia boleh melahirkan insan yang berakidah benar, berakhlak mulia serta berdiri di atas landasan syariat yang benar-benar dituntut dalam ajaran Islam. Kepentingan iman dan ilmu dijelaskan dalam al-Quran antaranya firman Allah SWT dalam Surah al-Mujaadalah (58) ayat 11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ  
فَأَفْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا  
يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ  
دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

**Maksudnya:** *Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan. (11)*

Firman Allah SWT lagi dalam Surah Ali-'Imran (3) ayat 18:

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ  
قَابِئًا بِالْقَسْطِ ۗ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

**Maksudnya:** *Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (18)*

Ayat-ayat ini menjelaskan kepada kita penyaksian dimulai dengan Allah SWT, diikuti golongan malaikat dan seterusnya golongan-golongan yang berilmu pengetahuan. Kedudukan ini menunjukkan kemuliaan dan keutamaan ilmu. Kepentingan aspek ilmu pengetahuan ini dibuktikan dengan kewajipan menuntut ilmu dalam sabda Rasulullah SAW sebagaimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibn Majah (224):

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

**Bermaksud:** “Menuntut ilmu difardukan kepada setiap Muslim”.

Ilmu dapat meningkatkan keimanan diri seseorang. Ketinggian ilmu dan iman yang dimiliki memberi kesan kepada amalan baik diri seseorang. Hubungan ilmu, iman dan amal menjadi pelengkap antara satu sama lain. Ilmu dapat menunjuk, mengarah, memimpin amalan yang bakal dilaksanakan sama ada betul atau salah dalam sesuatu situasi. Sekiranya amal berbeza dengan ilmu yang benar maka ia ditolak, jika sebaliknya maka ia diterima.

Ilmu menjadi neraca dalam menentukan di antara amalan baik dan buruk. Ilmu yang dipelajari dapat memandu tindakan yang dilakukan oleh seseorang agar tidak tersalah. Seseorang yang beramal dengan ilmunya dapat bertindak dengan yakin dan tenang serta manfaat ilmunya bakal diberi ganjaran oleh Allah SWT di akhirat kelak. Dalam usaha menuntut ilmu, sifat ikhlas penting dan menjadi keutamaan kerana memberi kesan terhadap kualiti keimanan dan amalan yang dilaksanakan.



Gambar 2: Situasi Majlis Ilmu Antara Pelajar dengan Guru



## 1.6 Kepentingan Berakhlak

Akhlak penting dalam kehidupan seseorang Muslim. Islam menganjurkan agar semua manusia berakhlak mulia dalam hubungan dengan Allah SWT, manusia dengan sesama manusia serta manusia dengan alam.

Kepentingan akhlak dalam Islam dapat dilihat berdasarkan berikut:

- 1) Mencapai matlamat risalah Islam.
- 2) Menjadi tanda iman.
- 3) Mendapat ganjaran Allah SWT.
- 4) Memberat timbangan amal.
- 5) Mencontohi sifat Rasulullah SAW.
- 6) Mencapai natijah pelaksanaan ibadah.
- 7) Menjadi penghapus kejahatan lampau.

### 1.6.1 Mencapai Matlamat Risalah Islam

Rasulullah SAW diutuskan untuk menyempunakan akhlak manusia. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Ahmad (8953), daripada Abu Hurairah RA:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

**Bermaksud:** “*Sesungguhnya aku tidak diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.*”

Hadis ini menunjukkan bahwa Rasulullah SAW diutuskan sebagai rasul yang terakhir dan merupakan pembentuk akhlak manusia serta model utama akhlak Islam. Pengutusan Nabi Muhammad SAW bertujuan menyempurnakan akhlak yang mulia dan terpuji. Keindahan dan kesempurnaan Islam tidak dapat dinikmati dan dirasakan sekiranya manusia mengeneppikan soal akhlak. Sebagai contoh apakah kehidupan masyarakat Islam merasa selesa, tenteram dan aman, sekiranya masyarakat hidup dalam suasana fitnah-memfitnah, salah guna kuasa, rasuah, berbohong, menipu, dan lain-lain sifat yang keji.

Pengutusan Rasulullah SAW sebagai rasul yang terakhir bukan sahaja dipertanggungjawabkan untuk mengajak manusia agar beriman kepada Allah SWT menerusi risalah Islam yang dibawanya, tetapi Rasulullah SAW turut diutuskan bertujuan membentuk, membina dan menyuburkan nilai-nilai akhlak Islam dalam kehidupan umatnya. Kemuliaan akhlak Rasulullah SAW terpancar menerusi tingkah laku, perbuatan, percakapan dan setiap keputusan yang dibuat.

### **1.6.2 Menjadi Tanda Iman**

Iman merupakan suatu yang tidak boleh dilihat sebagaimana kita melihat sesuatu objek namun kedudukan iman dalam diri seseorang boleh dikesan menerusi tanda-tanda kewujudan keimanannya.

Antara tanda kewujudan iman boleh dilihat menerusi kesungguhan seseorang melakukan ibadat atau menerusi amalan-amalan akhlak yang diamalkan dalam tutur kata dan perbuatan. Tutur kata dan perbuatan orang berakhlak tidak sama dengan seseorang yang tidak berakhlak. Akhlak yang baik memberi kesan yang baik terhadap seluruh aspek kehidupan manusia. Kesempurnaan Islam tidak dapat dicapai sekiranya

aspek akhlak dipinggirkan kerana akhlak merupakan sebahagian daripada mercu tanda penting dalam ukuran kualiti diri seseorang hamba.

### 1.6.3 Mendapat Ganjaran Allah SWT

Manusia yang memiliki akhlak yang mulia bakal diganjar oleh Allah SWT dengan syurga. Ini diterangkan dalam sebuah hadis riwayat Imam at-Tirmidi, (1927), daripada Abu Hurairah RA:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ الْجَنَّةَ فَقَالَ  
"تَقْوَى اللَّهِ وَحُسْنُ الْخُلُقِ" وَسُئِلَ عَنْ أَكْثَرِ مَا  
يُدْخِلُ النَّاسَ النَّارَ؟ فَقَالَ الْفَمُّ وَالْفَرْجُ.

**Bermaksud:** *Dari Abu Hurairah berkata; Rasulullah SAW pernah ditanya tentang sesuatu yang paling banyak memasukkan seseorang ke dalam syurga, maka Rasulullah pun menjawab: "Bertakwa kepada Allah dan akhlak yang mulia." Dan Baginda ditanya tentang sesuatu yang paling banyak memasukkan orang ke dalam neraka, maka beliau menjawab: "Mulut dan kemaluan."*

Hadis ini menjelaskan berkaitan ganjaran yang bakal diperolehi oleh seseorang Muslim yang memiliki akhlak yang mulia. Syurga adalah ganjaran yang disediakan oleh Allah SWT bagi manusia yang berakhlak mulia.

#### 1.6.4 Memberat Timbangan Amal

Akhlak yang baik menjadi pemberat amalan pada neraca timbangan Allah SWT di akhirat. Akhlak mulia yang dimiliki dapat memudahkan laluan manusia untuk mendapat balasan nikmat syurga. Akhlak yang baik bakal menatijahkan kebaikan di dunia dan akhirat. Sebaliknya sifat *mazmumah* pula akan membawa kepada kepincangan, hilang keharmonian, pergaduhan dan sebagainya. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi (2002):

مَا شَيْءٌ أَثْقَلُ فِي مِيزَانِ الْمُؤْمِنِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ  
خُلُقٍ حَسَنٍ فَإِنَّ اللَّهَ لَيَبْعِضُ الْفَاحِشَ الْبَدِيءَ

**Bermaksud:** "Tidak sesuatu yang lebih berat dalam timbangan seorang mukmin kelak pada hari kiamat daripada akhlak yang baik. Sesungguhnya Allah amatlah murka terhadap seorang yang keji lagi jahat."

#### 1.6.5 Mencontohi Sifat Rasulullah SAW

Nabi Muhammad SAW dihiasi dengan sifat-sifat yang sempurna dan tiada tolok bandingannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Qalam (68) ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

**Maksudnya:** Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia. (4)

Ayat ini menjelaskan Rasulullah SAW memiliki akhlak yang mulia. Akhlak Rasulullah SAW berupaya menarik jiwa serta menimbulkan kecintaan hati manusia untuk mendekati Rasulullah SAW. Sifat mulia Rasulullah SAW ini turut dapat melembutkan kekerasan kaumnya .

Para rasul adalah manusia pilihan Allah SWT yang mempunyai pelbagai kelebihan dan keistimewaan berbanding manusia yang lain. Para rasul adalah model ikutan dan teladan bagi orang mukmin yang dihiasi dengan akhlak indah dan murni yang menjadi sanjungan di sepanjang zaman sekali gus dapat menyelamatkan manusia dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

#### **1.6.6 Mencapai Matlamat Pelaksanaan Ibadah**

Pelaksanaan ibadah yang betul adalah bukti taatnya seseorang hamba selepas mengaku beriman kepada Allah SWT. Ibadah yang dimaksudkan ialah ibadah khusus yang menyentuh mengenai fardu ain dan juga fardu kifayah ia merangkumi hubungan sesama manusia.

Oleh itu individu yang memiliki akhlak yang mulia meliputi keseluruhan urusan hidupnya adalah dianggap ibadah. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Mu'minun (23) ayat 1-6:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ  
 خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ  
 ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ  
 لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا  
 مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾

**Maksudnya:** Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, (1) laitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya; (2) Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia; (3) Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu); (4) Dan mereka yang menjaga kehormatannya, - (5) Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela: - (6)

Kesan daripada pelaksanaan ibadah yang betul, sempurna dan ikhlas, akan terbentuk akhlak yang mulia. Akhlak mulia dan peribadi yang baik boleh dihasilkan daripada keimanan yang kukuh dan jitu.

Ini kerana hubungan antara individu dengan masyarakat terbentuk melalui nilai dan disiplin yang diamalkan oleh setiap anggota masyarakat tersebut.

Sekiranya nilai yang diamalkan adalah positif kesannya lahirlah sebuah masyarakat yang aman, damai, harmoni seperti yang dianjurkan oleh Islam.

### 1.6.7 Menjadi Penghapus Perbuatan Kejahatan

Keindahan Islam sebagai satu *Ad-Din* atau agama daripada Allah SWT yang sentiasa memberikan manusia ruang dan peluang untuk memperbetulkan kesilapan dan keterlanjuran yang dilakukan sama ada secara sengaja ataupun tidak sengaja. Dalam hadis riwayat Imam at-Tirmizi (1910) Dari Abu Dzar bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ وَأَتَّبِعِ السَّبِيَّةَ الْحَسَنَةَ  
تَمَحُّهَا وَخَالِقِ النَّاسَ بِحُلُقِ حَسَنٍ

**Bermaksud:** *Dari Abu Dzar RA ia berkata, Rasulullah SAW pernah bersabda kepadaku: "Bertakwalah kamu kepada Allah dimana saja kamu berada dan ikutilah setiap keburukan dengan kebaikan yang dapat menghapuskannya (dosa), serta pergaulilah manusia dengan akhlak yang baik.*

Hadis ini menyarankan agar manusia sentiasa bertakwa kepada Allah SWT di mana sahaja berada serta ikuti amalan kejahatan yang telah dilakukan dengan melakukan kebaikan. Rasulullah SAW turut menyuruh agar bergaul dengan sesama manusia dengan akhlak yang baik.

Dengan berbekalkan keimanan dan keyakinan, lazimnya manusia mempunyai dorongan untuk menghalang dirinya dari melakukan maksiat dan dosa. Namun begitu, sebagai manusia kelemahan diri boleh menyebabkan manusia terjerumus ke lembah maksiat dan kemungkar.

# BAHAGIAN 2 AKHLAK MULIA

## 2. AKHLAK MULIA

Akhlak mulia yang perlu dipupuk dalam diri seorang Muslim.



Rajah 2: Akhlak Mulia



## 2.1 Ikhlas

Sifat atau niat yang ikhlas kepada Allah SWT sangat penting dalam setiap perbuatan dan tingkah laku kita. Ikhlas dari sudut bahasa adalah menyucikan sesuatu. Manakala menurut istilah pula adalah menyucikan amalan dengan niat yang betul iaitu kerana Allah SWT serta menghalang atau menjauhkan amalan tersebut daripada sifat menyekutukan Allah SWT (syirik). Disebabkan itu, Allah SWT berfirman di dalam al-Quran bagi menjelaskan kepentingan ikhlas ini. Firman Allah SWT dalam Surah al-Bayyinah (98) ayat 5:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ  
وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

**Maksudnya:** *Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasakan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Uagama yang benar. (5)*

Imam Al-Qurtubi menafsirkan ayat ini dengan firman Allah SWT dalam Surah az-Zumar (39) ayat 11:

قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ ﴿١١﴾

**Maksudnya:** *Katakanlah lagi (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasakan segala ibadat kepadaNya; (11)*

Al-Qurtubi menjelaskan bahawa ayat ini menjadi dalil bahawa kita wajib berniat dan ikhlas dalam melaksanakan perkara-perkara berkaitan ibadah. Ini kerana, ikhlas merupakan amalan hati dan ia perlulah dilakukan semata-mata kerana Allah SWT dan tidak pada selain daripada-Nya.

Amalan yang diniatkan kerana Allah SWT akan diganjar pahala sebaliknya dilakukan selain-Nya adalah sia-sia. Ikhlas turut difahami apabila seseorang melakukan amal kebaikan tanpa mengharap balasan manusia. Kepentingan ikhlas dijelaskan dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari (6064) dan Imam Muslim (2564), Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورَتِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

**Bermaksud:** *“Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan harta kamu, tetapi Allah melihat kepada hati dan amalan kamu.”*

Hadis ini menjelaskan bahawa Allah SWT melihat hati dan perbuatan seseorang manusia. Oleh itu, niat di hati penting dalam melaksanakan sesuatu amalan kerana menjadi tempat perhitungan Allah SWT.

## 2.2 Sabar

Sabar bermakna tahan menempuhi sesuatu yang sukar. Sabar yang terpuji adalah sabar untuk taat kepada Allah SWT, menjauhi segala perbuatan yang dilarang Allah SWT dan sabar dengan semua ketentuan Allah SWT.

Sabar menerima ketentuan Allah SWT yang berlaku dalam kehidupan dengan ikhlas hati, reda serta tabah mengharungi segala ujian merupakan antara tingkat kesabaran yang sangat mencabar. Walaupun ujian yang diterima oleh seseorang hamba itu sangat berat, namun ia perlu diharungi dengan

penuh kesabaran dan mengerjakan solat serta berdoa kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 153:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ  
الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

**Maksudnya:** *Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar (153)*

Ayat ini menerangkan bahawa kesabaran dan mengerjakan solat adalah antara kaedah yang boleh dilakukan bagi memohon pertolongan Allah SWT ketika menghadapi sesuatu kesukaran.

Seorang Muslim perlu bersabar dalam melakukan ketaatan dan menjauhi segala kemaksiatan dan ketika menghadapi ujian yang menimpa diri. Ini dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam Surah Ali-'Imran (3) ayat 200:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ  
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

**Maksudnya:** *Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebakikan), dan kuatkanlah kesabaran*

*kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya, kamu berjaya (mencapai kemenangan). (200)*

Para hamba Allah SWT yang soleh diuji oleh Allah SWT dengan pelbagai musibah. Ada juga yang diuji dengan harta benda dan ada juga yang diuji dengan akalinya sehingga akalinya hilang dan menjadi bodoh. Ada juga yang diuji pada tubuhnya sehingga sebahagian daripada anggota tubuh dan pancainderanya tidak berfungsi. Allah SWT merakamkan kepentingan sifat sabar dalam menghadapi bencana yang berlaku pada kita. Firman Allah SWT dalam Surah Luqman (31) ayat 17:

يَبْنَئِ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۗ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

**Maksudnya:** "Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya. (17)

Ayat ini menjelaskan agar kita tetap mendirikan solat, menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah daripada perbuatan mungkar serta bersabar dengan segala ujian yang menimpa. Namun kesemua tindakan ini bukanlah satu perkara yang mudah untuk dilakukan. Allah SWT menjanjikan kemenangan bagi orang yang sabar dalam melakukan perkara kebaikan dan bertakwa kepada Allah SWT. Dalam hadis riwayat Imam Muslim (2999), Sabda Rasulullah SAW:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَحَدٍ  
إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَّاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ  
أَصَابَتْهُ ضَرَّاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

**Bermaksud:** "Sungguh indah keadaan seorang Mukmin. Semua perkara dialaminya adalah baik belaka, perkara ini hanya berlaku kepada orang Mukmin. Jika ia mendapat kegembiraan dia bersyukur, itu adalah baik baginya. Apabila dia mendapat kesusahan dia bersabar, itu baginya juga baik".

Sabar adalah tabah, tenang, reda dan ikhlas, amat penting dalam menghadapi sebarang ujian. Sifat sabar ini merupakan sifat yang sukar dimiliki dalam berhadapan dengan ujian. Setiap manusia berhadapan dengan pelbagai ujian yang berbeza antara satu sama lain.

### 2.2.1 Ciri-ciri Orang yang Sabar

- 1) Hidup sentiasa tenang dan tenteram.
- 2) Sentiasa rajin berusaha.
- 3) Suasana hidup sentiasa ceria dan gembira.
- 4) Tidak mudah kecewa dan putus asa.

### 2.2.2 Kelebihan Sifat Sabar

- 1) Memiliki sifat tekun dan tabah menghadapi cubaan dan cabaran.
- 2) Menghasilkan sesuatu kerja dengan sempurna.

- 3) Mempunyai kekuatan dan keyakinan untuk menyelesaikan sesuatu masalah.
- 4) Mendapat perlindungan, rahmat dan pahala yang besar daripada Allah SWT.
- 5) Mempunyai hati yang sentiasa tenang dalam semua situasi.
- 6) Memiliki sifat terbuka dalam menerima sesuatu perkara sama ada baik atau buruk.

### 2.3 Istiqamah

Istiqamah bermaksud melakukan sesuatu perkara secara terus-menerus sama ada dalam kuantiti yang kecil atau besar. Amalan istiqamah ini sangat mulia. Sesuatu amalan yang sedikit dilakukan tetapi dilaksanakan secara berterusan adalah lebih baik dari amalan dalam kuantiti yang banyak tetapi tidak dilakukan secara konsisten. Dalam usaha mendalami agama Allah SWT, istiqamah sangat penting dan merupakan tunjang kepada kejayaan menguasai ajaran Islam. Firman Allah SWT dalam Surah Fussilat (41) ayat 30:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ  
 الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي

كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

**Maksudnya:** *Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik*

*terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu. (30)*

Ayat ini menjelaskan berkaitan kepentingan istiqamah atau kekal berada dalam keimanan terhadap Allah SWT. Allah SWT bakal mengganjari golongan yang tetap istiqamah dalam keimanan dengan ganjaran syurga.

Di antara sifat istiqamah para rasul yang boleh dicontohi ialah Nabi Nuh AS yang istiqamah menyeru kaumnya agar beriman kepada Allah SWT. Beliau telah berdakwah selama 950 tahun, demikian juga dengan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat yang sentiasa istiqamah dan gigih menjalankan misi dakwahnya meskipun ditentang hebat oleh golongan Musyrikin. Istiqamah dalam beribadah boleh diaplikasi dalam pengamalan solat fardu dan solat sunat samada secara individu (*fardiyyah*) atau pun kolektif (*jama'iyah*).



Gambar 3: Istiqamah dalam Melaksanakan Solat Fardu Secara Berjemaah

Rasulullah SAW pernah menegaskan berkaitan kepentingan istiqamah dalam keimanan. Dalam hadis riwayat Imam Muslim (38), Rasulullah SAW bersabda:

قُلْ أَمَنْتُ بِاللَّهِ ثُمَّ اسْتَقِمَّ

**Bermaksud:** "Katakanlah aku telah beriman kepada Allah SWT. Kemudian hendaklah kamu istiqamah (terhadapnya)".

Hadis ini turut menjelaskan tentang kepentingan istiqamah dalam keimanan terhadap Allah SWT.

### 2.3.1 Ciri-ciri Istiqamah

Berikut adalah antara ciri-ciri sifat istiqamah iaitu:

- 1) Berkeyakinan teguh dan penuh minat dalam melakukan sesuatu pekerjaan.
- 2) Memastikan pekerjaan dilakukan menepati kehendak syarak.
- 3) Tetap tekun dan berterusan dalam melakukan kebaikan dan tidak tunduk kepada sebarang pengaruh dan tekanan.
- 4) Memiliki dorongan kekuatan iman dan daya saing untuk mengangkat martabat kemuliaan diri dan umat keseluruhannya.
- 5) Sentiasa berdisiplin dalam melakukan sesuatu perkara.

### 2.3.2 Kelebihan Istiqamah

Seseorang yang memiliki sifat istiqamah mempunyai kelebihan antaranya:



- 1) Mencapai apa yang dicita-citakan.
- 2) Tidak mudah kecewa dan putus asa dalam hidup.
- 3) Menjadi ikutan dan contoh yang baik kepada orang lain.
- 4) Memiliki hati dan jiwa yang sentiasa beroleh ketenangan dan kedamaian.
- 5) Mendapat keberkatan dan keredaan Allah SWT atas usaha yang dilakukan.

## **2.4 Baik Hati**

Sifat baik hati merupakan antara akhlak mulia yang perlu dimiliki oleh seseorang Muslim. Orang baik hati sentiasa mengambil berat tentang kebaikan dan melakukannya dengan jujur serta ikhlas semata-mata mengharapkan keredaan Allah SWT. Sifat baik hati lahir daripada orang-orang yang berperibadi teguh, bersih hati dan sentiasa bersangka baik dengan manusia dan Allah SWT.

Sifat baik hati yang dimiliki oleh seseorang kebiasaannya dizahirkan kepada orang kecil atau besar, tua atau muda, kaya atau miskin dan termasuk juga kepada haiwan. Seseorang Muslim memiliki sifat baik hati ini sentiasa dipandang mulia dan dihormati.

### **2.4.1 Keutamaan Bersifat Baik Hati**

Sifat baik hati merupakan sifat yang disukai manusia dan merupakan sifat semula jadi manusia iaitu sifat fitrah. Antara contoh sifat baik hati ialah simpati kepada kesusahan dan masalah orang lain, merendah diri serta berbudi mulia. Dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari (13), Sabda Rasulullah SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

**Bermaksud:** “Tidak sempurna iman seseorang dari kalangan kamu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri”.

Hadis ini menjelaskan bahwa menyayangi saudara yang lain seperti mengasihi diri sendiri merupakan indikator kesempurnaan iman seseorang. Ini jelas menunjukkan bahwa Islam sangat prihatin terhadap sifat baik hati iaitu mengasihi sesama manusia.

#### 2.4.2 Ciri-ciri Sifat Baik Hati

Di antara ciri orang yang memiliki sifat baik hati ialah:

- 1) Mengutamakan hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.
- 2) Hidupnya berpandukan tuntutan akhlak yang mulia.
- 3) Cenderung melakukan kebaikan di mana sahaja berada.
- 4) Saling tolong-menolong dalam hal kebajikan dan takwa.
- 5) Menghindarkan dirinya dari dikuasai oleh sifat sombong, riak dan takbur.



Gambar 4: Sentiasa Bersedia Membantu Orang yang Memerlukan

### 2.4.3 Cara-cara Memupuk Sifat Baik Hati

Sifat baik hati boleh dipupuk menerusi usaha-usaha berikut;

- 1) Tidak mementingkan diri sendiri sebaliknya bertolak ansur dalam sebarang tindakan yang tidak menyalahi syarak.
- 2) Bersikap terbuka apabila mendengar pandangan orang lain.
- 3) Mudah memberikan kemaafan terhadap kesalahan orang lain.
- 4) Prihatin terhadap hal persekitaran.
- 5) Memelihara hubungan silaturahim dan persaudaraan sesama Islam.
- 6) Menghulurkan bantuan dan pertolongan kepada golongan memerlukan.

7) Ikhlas terhadap setiap bantuan atau sumbangan yang diberikan.

Orang yang baik hati melakukan kebaikan bukan bertujuan mendapat pujian dan sanjungan tetapi ganjaran dan rahmat dari Allah SWT.

## 2.5 Syukur



Gambar 5: Sentiasa dalam Keadaan Bersyukur dengan Segala Kurniaan Nikmat yang Diberikan Allah SWT

Sifat syukur adalah antara akhlak terpuji bagi seorang Muslim. Sifat syukur lahir ekoran rasa kesedaran dan keinsafan yang mendalam bahawa diri adalah hamba Allah SWT yang memiliki kelemahan dan kekurangan. Orang yang bersyukur sentiasa ikhlas dalam beribadah kepada Allah SWT, menyantuni sesama manusia, reda dan bersyukur dengan semua nikmat dan pemberian Allah SWT.

Orang yang bersyukur bakal menambahkan kesyukurannya apabila beroleh kesihatan, kejayaan, keuntungan, naik pangkat dan lain-lain. Demikian juga sebaliknya apabila ditimpa penyakit, kerugian, kegagalan dan sebagainya tetap reda dan

bersyukur kerana yakin bahawa kesemua perkara yang berlaku adalah dengan izin Allah SWT.

Rasa kesyukuran boleh dizahirkan menerusi perasaan, ucapan dan perlakuan yang jujur terhadap kurniaan nikmat dari Allah SWT. Allah SWT menggandakan nikmat kepada orang-orang yang bersyukur. Ini diterangkan dalam firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim (14) ayat 7:

وَأِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

**Maksudnya:** Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras". (7)

### 2.5.1 Cara Menzahirkan Rasa Syukur

Rasa syukur boleh dizahirkan dengan pelbagai cara antaranya:

- 1) Menerusi hati seperti mengingati Allah SWT pada setiap masa dan ketika.
- 2) Menerusi lidah dengan cara sentiasa menyebut, berzikir, bertahmid, bertasbih, bertahlil dan berdoa kepada Allah SWT.
- 3) Menerusi perbuatan atau perlakuan seperti patuh dalam menunaikan ibadah solat, puasa, zakat, haji, sedekah dan sebagainya.

### **2.5.2 Kelebihan Bersyukur**

Terdapat pelbagai kelebihan dikurniakan terhadap golongan yang bersyukur antaranya:

- 1) Mendapat ganjaran pahala yang berganda dari Allah SWT.
- 2) Segala usaha yang dilakukan mendapat keberkatan dari Allah SWT.
- 3) Sentiasa berfikiran terbuka dan berlapang dada menghadapi cabaran.
- 4) Istiqamah dalam melakukan ketaatan kepada Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya.

### **2.5.3 Faktor-faktor yang Mendorong Manusia Bersyukur**

Terdapat beberapa faktor yang mendorong sifat syukur pada diri seseorang manusia antaranya:

- 1) Sentiasa berfikir tentang kejadian manusia dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.
- 2) Merenung dan menginsafi kesusahan dan kekurangan yang menimpa orang lain.

Kesedaran yang dimiliki ini menjadikan manusia bersyukur terhadap Allah SWT kerana menginsafi bahawa setiap sudut kehidupan manusia sentiasa diberi pelbagai nikmat Allah SWT.

## 2.6 Kerjasama



Gambar 6: Bekerjasama dalam Segala Urusan

Fitrah manusia suka kehidupan bermasyarakat. Manusia adalah makhluk sosial yang tidak boleh hidup sempurna jika bersendirian. Masyarakat majmuk di Malaysia sememangnya popular dengan semangat bergotong-royong, tolong-menolong, bekerjasama serta bermuafakat dengan tujuan untuk menyempurnakan keperluan hidup samada bersifat kebajikan umum atau peribadi.

Aktiviti seperti gotong-royong membersihkan kawasan kediaman, sambutan hari perayaan serta hari kebesaran dan sebagainya dilaksanakan membuktikan sifat kerjasama dalam kalangan anggota masyarakat. Seterusnya, nilai-nilai kerjasama yang diwujudkan dalam perhubungan mereka dapat menimbulkan perasaan kasih sayang dan mengeratkan silaturahim.

Allah SWT menerusi sifat yang Maha Penyayang lagi Maha Mengetahui telah menjadikan bilangan manusia itu ramai dan terdiri dari pelbagai bangsa, warna kulit dan bahasa agar manusia saling berkenalan, berbaik-baik dan bekerjasama

antara satu sama lain. Hubungan kerjasama boleh dijalinan antara seorang Muslim dengan Muslim yang lain mahupun seorang Muslim dengan bukan Muslim.

Kerjasama dalam Islam ialah satu bentuk ikatan perpaduan dalam melakukan sesuatu usaha atau kerja yang baik secara beramai-ramai. Ia boleh dilakukan di peringkat keluarga, masyarakat dan umat keseluruhannya. Kerjasama dalam Islam meliputi perkara yang baik dan mempunyai manfaat sahaja. Manakala kerjasama atau memberi sokongan samada moral atau material dalam perkara kemungkaran dan kejahatan adalah dilarang dalam Islam. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah (5) ayat 2:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ  
وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

**Maksudnya:** ... Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya). (2)

Dalam hadis riwayat Imam Muslim (2699), Sabda Rasulullah SAW:

وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

**Bermaksud:** "Allah SWT akan menolong hamba-Nya selagi hamba-Nya suka menolong saudaranya".



Berdasarkan dua dalil di atas, jelas menunjukkan bahwa kerjasama atau saling tolong-menolong dalam menegakkan yang makruf dan mencegah kemungkaran adalah sifat mulia yang menepati kemuliaan akhlak yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

### **2.6.1 Kelebihan Sifat Kerjasama**

Bekerjasama ialah satu proses bantu-membantu antara satu sama lain dalam kelompok atau kumpulan yang melebihi daripada seorang. Kerjasama lahir daripada kesatuan yang dizahirkan dalam aktiviti seperti tolong-menolong, gotong-royong serta bermuafakat. Untuk mencapai satu bentuk kerjasama yang baik, aspek persefahaman penting bagi mengurus perbezaan pandangan.

Terdapat beberapa kelebihan sifat kerjasama yang dimiliki oleh seseorang manusia antaranya:

- 1) Dapat merapatkan hubungan mesra dalam kalangan masyarakat.
- 2) Dapat menyuburkan rasa bertanggungjawab dan kekitaan untuk membangunkan keluarga, masyarakat, negara dan umat.
- 3) Dapat menghindar masyarakat dari berbagai gejala yang negatif.
- 4) Dapat meringankan bebanan dan memudahkan kerja-kerja yang sukar.
- 5) Mendapat balasan pahala yang besar daripada Allah SWT.

Kerjasama merupakan amalan yang sangat dituntut dalam kehidupan setiap Muslim. Allah SWT menjanjikan ganjaran yang setimpal dengan usaha dan niat untuk

membantu orang susah. Konsep bekerjasama, perasaan belas kasihan, timbang rasa dan bertolak ansur turut menjadi intipati penting dalam kehidupan bersosial.

Orang Islam dibenarkan bekerjasama dengan golongan bukan Muslim dalam perkara-perkara yang dibolehkan oleh syariat Islam. Apa yang penting, kerjasama yang dilakukan hendaklah disertakan dengan niat yang ikhlas untuk membantu antara satu sama lain.

## 2.7 Menghargai Masa



Gambar 7: Masa Lalu Tidak Dapat Dikembalikan

Ramai orang boleh menguruskan berbagai perkara dengan baik, tetapi tidak ramai orang yang mampu menguruskan masa dengan baik. Masa adalah sebahagian daripada nikmat Allah SWT yang membolehkan manusia melakukan berbagai amalan dan kegiatan harian.

Menghargai masa bermakna kita mengisi atau memanfaatkan setiap detik masa yang berlalu dengan melakukan amalan, kerja atau kegiatan yang berfaedah dari segi syarak. Orang yang menghargai masa termasuk dalam golongan orang yang

berakhlak mulia kerana dapat mengurus masa dengan baik. Orang yang membiarkan masa berlalu tanpa melakukan kerja yang bermanfaat termasuk dalam golongan orang yang rugi di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT dalam Surah al-'Asr (103) ayat 1-3:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ  
ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا  
بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

**Maksudnya:** Demi masa (1) Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian; (2) Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran. (3)

Surah al-Asr ini mengandungi pengajaran agar kita peka dan prihatin dengan masa agar kita mengisinya dengan sebaik mungkin. Ayat ini menjelaskan bahawa manusia berada dalam kerugian jika tidak menghargai kepentingan masa. Masa hendaklah dipenuhi dengan amalan yang meningkatkan keimanan dan melakukan amal soleh serta menyampaikan kebenaran sebagai peringatan untuk manfaat diri sendiri dan masyarakat sekeliling secara umumnya dengan kesabaran.

### 2.7.1 Ciri-ciri Orang yang Menghargai Masa

Berikut adalah antara ciri-ciri orang yang menghargai masa:

- 1) Sentiasa melakukan sesuatu tepat pada waktunya.
- 2) Tidak membiarkan masa berlalu tanpa sebarang kegiatan yang baik.

- 3) Memanfaatkan masa sepanjang kehidupan demi kejayaan masa depan.

### **2.7.2 Kelebihan Menghargai Masa**

Di antara kelebihan yang diperoleh oleh orang yang sentiasa menghargai nikmat masa ialah:

- 1) Disukai oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW.
- 2) Sentiasa beroleh kejayaan.
- 3) Dapat menyumbang ke arah kemakmuran masyarakat dan negara.
- 4) Berpeluang mendapat balasan nikmat syurga.

### **2.7.3 Implikasi Tidak Menghargai Masa**

Orang yang tidak menghargai nikmat masa bakal mengalami kesan-kesan berikut;

- 1) Hidupnya sentiasa berada dalam keadaan rugi.
- 2) Sukar mencapai kejayaan samada untuk dirinya, keluarga, masyarakat dan negara.
- 3) Membawa kepada kemurkaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Orang yang menguruskan masa dengan baik yang mengisi masa dengan melakukan kebaikan untuk memperoleh reda daripada Allah SWT. Sebaliknya, orang yang tidak tahu menghargai masa selalu menghabiskan masa untuk perkara yang tidak bermanfaat.

#### **2.7.4 Cara-cara Menghargai Masa**

Terdapat pelbagai cara untuk melatih diri dalam mengurus atau menghargai masa antaranya melakukan semua perintah Allah SWT tepat pada waktunya seperti solat pada awal waktu, memperbanyakkan bacaan al-Quran, belajar atau menuntut ilmu. Dalam masa yang sama meninggalkan semua larangan Allah SWT kerana orang yang melakukan dosa atau maksiat adalah ciri orang yang menyalahgunakan nikmat masa yang diberikan oleh Allah SWT.

Keutamaan menggunakan masanya perlu diberikan terhadap empat perkara iaitu:

- 1) Membahagikan masanya untuk bermunajat dan mendekati diri dengan Allah SWT .
- 2) Menggunakan masa untuk muhasabah diri .
- 3) Menggunakan masa untuk berfikir, meneroka ilmu dan merenung terhadap segenap kekuasaan Allah SWT iaitu segenap kejadian dan ciptaan Tuhan serta mencari rahsia yang ada melalui pelbagai disiplin ilmu yang seterusnya bakal membuka pintu rezeki kepada kita.
- 4) Memanfaatkan masa untuk berbakti dan mencari rezeki pada jalan yang dibenarkan dan halal.

Nikmat masa yang dimiliki harus dimanfaatkan sebaik-baiknya dengan kegiatan, kerja atau amalan yang berfaedah samada untuk kebaikan diri, keluarga, jiran tetangga, masyarakat, negara atau ummah keseluruhannya. Masa adalah sesuatu yang sentiasa bergerak dan beredar, justeru elakkan daripada ia berlalu tanpa dimanfaatkan.

## 2.8 Kasih Sayang

Kasih sayang adalah dua perkataan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Kasih sayang berasal dari perkataan *hubb* yang bermaksud cinta atau mencintai yang boleh digunakan dalam konteks ketuhanan dan juga kemanusiaan. Kasih sayang adalah suatu sikap saling menghormati dan mengasihi semua ciptaan Tuhan baik makhluk yang hidup mahupun benda seperti menyayangi diri sendiri berlandaskan hati nurani yang luhur.

Agama Islam mengajar umatnya agar sentiasa berkasih sayang antara satu sama lain dengan cara yang betul. Terdapat sepotong hadis yang menunjukkan bahawa Islam amat menuntut umatnya agar berkasih sayang iaitu sebuah hadis riwayat Imam al-Bukhari (13), daripada Anas bin Malik RA, Nabi Muhammad SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

**Bermaksud:** *“Tidak beriman (sempurna iman) seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri”.*

### 2.8.1 Kategori Kasih Sayang

- 1) Kasih sayang terhadap Allah SWT.
- 2) Kasih sayang terhadap Rasulullah SAW.
- 3) Kasih sayang sesama manusia.
- 4) Kasih sayang terhadap diri sendiri.
- 5) Kasih sayang terhadap haiwan dan alam sekitar.

### 2.8.2 Doa Memohon Cinta dan Kasih Sayang

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ حُبَّكَ وَحُبَّ مَنْ يُحِبُّكَ وَالْعَمَلَ  
الَّذِي يُبَلِّغُنِي حُبَّكَ

**Bermaksud:** “Ya Allah, sesungguhnya aku bermohon kepadaMu cintaMu dan cinta orang-orang yang mencintaiMu dan aku bermohon kepadaMu amalan yang dapat menyampaikanku kepada cintamu”.

### 2.8.3 Hikmah dan Kebaikan Apabila Umat Islam Berkasih-Sayang Sesama Makhluk

- 1) Dikasihi oleh Allah SWT kerana kita telah melakukan suruhannya untuk berkasih sayang.
- 2) Dapat memelihara sunnah Rasulullah SAW seperti yang termaktub dalam beberapa buah hadis.
- 3) Dapat mengeratkan ikatan silaturrahim sesama insan.
- 4) Membawa kebaikan kepada semua makhluk dan alam sekitar.

### 2.8.4 Kesan dan Akibat Apabila Manusia Tidak Berkasih-Sayang Sesama Makhluk

- 1) Seseorang itu akan merasa jauh dari rahmat dan kasih sayang Allah yang Maha Penyayang.
- 2) Merosakkan iman dan Islam kerana Islam adalah agama yang penuh dengan kasih sayang.

- 3) Alam sekitar akan dipergunakan sesuka hati dan menyebabkan berlakunya pelbagai kerosakan dan pencemaran alam.
- 4) Akan mencetuskan perpecahan dan perbalahan dalam kalangan masyarakat.

## 2.9 Jujur

Jujur bermaksud benar, membawa maksud tanggungjawab di dalam memelihara perkara yang diamanahkan kepada seseorang seperti kewajipan kepada Allah dan Rasulullah SAW. Sifat Jujur membawa kepada kebaikan dan ketenangan jiwa.

Agama Islam amat menuntut agar umatnya bersikap jujur dan Rasulullah SAW juga menekankan tentang sifat kejujuran di dalam beberapa buah hadis. Firman Allah SWT dalam Surah al-An'aam (6) ayat 152:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ  
 أَشُدَّهُ ۗ وَأَوْفُوا بِالْكَيْلِ وَالْمِيزَانِ بِالْقِسْطِ ۗ لَّا نُكَلِّفُ  
 نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۗ وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا ۗ وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۗ  
 وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ۗ ذَٰلِكُمْ وَصَّلَكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ  
 تَذَكَّرُونَ ﴿١٥٢﴾

**Maksudnya:** "Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil". -



*Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya - "dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu); dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhiNya)". (152)*

### **2.9.1 Ciri-ciri Seseorang Bersifat Jujur**

- 1) Dapat menjaga amanah dengan baik. Contohnya apabila kita menjaga sesuatu barang yang bukan milik kita dan kita perlu menjaganya dengan sebaiknya kerana itu merupakan suatu amanah.
- 2) Bercakap benar dan tidak menyembunyikan kebenaran apabila berkata-kata.
- 3) Mampu menepati janji apabila terikat dengan sesuatu perjanjian.
- 4) Tidak mementingkan keuntungan dan balasan apabila berniaga.

### **2.9.2 Kelebihan bagi orang yang jujur**

- 1) Kehidupannya akan mendapat kemuliaan disisi Allah SWT.
- 2) Allah SWT menjanjikan ganjaran syurga kerana jujur dalam setiap perilaku.
- 3) Memperoleh kepercayaan daripada orang lain dan menjadi bukti ketakwaan seorang hamba terhadap pencipta-Nya.

- 4) Peribadinya yang jujur akan mudah mendapat kepercayaan dan disenangi oleh orang ramai.

### 2.9.3 Kesan apabila seseorang itu tidak berlaku jujur di dalam kehidupan

- 1) Mendapat dosa dan dimurkai oleh Allah SWT kerana enggan taat kepada perintah Allah SWT.
- 2) Sukar untuk mendapatkan kepercayaan orang lain kerana melakukan penipuan.
- 3) Kehilangan rakan-rakan disisi akibat tidak jujur dalam persahabatan.
- 4) Hati merasa gelisah dan tidak tenang akibat penipuan yang telah dilakukan.

## 2.10 Yakin

**Pengertian dari Segi Bahasa:** Jelas atau sesuatu yang diyakini pasti dan tidak ada keraguan serta tetap hati.

**Pengertian dari Segi Istilah:** Seseorang yang berada di atas jalan yang betul dan benar walaupun menghadapi pelbagai halangan dalam melakukan sesuatu perkara.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Jaathiyah (45) ayat 4:

وَفِي خَلْقِكُمْ وَمَا يَبُتُّ مِنْ دَابَّةٍ آيَاتٌ لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ



**Maksudnya:** *Dan pada kejadian diri kamu sendiri, serta (pada kejadian) segala binatang yang dibiakkanNya, terdapat juga tanda-tanda*

*(yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang meyakini. (4)*

### **2.10.1 Ciri-ciri yang Perlu Ada dalam Diri Setiap Individu bagi Melambungkan Keyakinan**

- 1) Sentiasa bercakap benar apabila melakukan apa-apa perkara mahupun pekerjaan juga akan meningkatkan daya penampilan diri.
- 2) Berani membuat keputusan serta dapat mematangkan daya pemikiran diri dalam melakukan sesuatu pekerjaan.
- 3) Melakukan sesuatu mengikut peraturan yang telah ditetapkan samada dalam peraturan terhadap diri sendiri dan juga masyarakat sekeliling.
- 4) Kepercayaan yang berlandaskan kepada sasaran yang betul dengan usaha yang berterusan dalam melakukan sesuatu perkara maka akan menghasilkan kebaikan.

### **2.10.2 Hikmah Apabila Seseorang Memiliki Sifat Yakin**

- 1) Akan memperoleh kejayaan di dalam pelbagai perkara.
- 2) Dapat mengelak daripada merasai was-was atau keraguan yang mengganggu diri.
- 3) Akan meningkatkan keimanan diri kepada Allah SWT.
- 4) Melalui sifat yakin ini seseorang itu akan memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

## 2.11 Reda

**Pengertian dari Segi Bahasa:** Sesuatu yang bersifat rela hati atau tenang hati.

**Pengertian dari Segi Istilah:** Sifat reda adalah merupakan suatu sifat penerimaan terhadap ketentuan Allah SWT dengan rela dan tenang hati.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baiyyinah (98) ayat 8:

جَزَاؤُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّتٌ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا  
الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ

ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبَّهُ ۝

**Maksudnya:** Balasan mereka di sisi Tuhannya ialah syurga Adn (tempat tinggal yang tetap), yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; kekalah mereka di dalamnya selama-lamanya; Allah reda akan mereka dan merekapun reda (serta bersyukur) akan nikmat pemberianNya. Balasan yang demikian itu untuk orang-orang yang takut (melanggar perintah) Tuhannya. (8)

### 2.11.1 Ciri-ciri Sifat Reda

- 1) Sabar dalam menghadapi segala dugaan dan cabaran dalam kehidupan.
- 2) Berlapang dada untuk menerima segala ketentuan dengan hati yang reda.
- 3) Apabila seseorang itu ditimpa sesuatu ujian dan cabaran maka ia tidak akan mudah putus asa.

- 4) Tidak mudah menyesali segala ketentuan yang Allah SWT telah berikan.

### **2.11.2 Kelebihan Bersifat dengan Sifat Reda**

- 1) Sabar dalam menghadapi segala dugaan dan cabaran dalam kehidupan.
- 2) Berlapang dada untuk menerima segala ketentuan dengan hati yang reda.
- 3) Apabila seseorang itu ditimpa sesuatu ujian dan cabaran maka ia tidak akan mudah putus asas.
- 4) Tidak mudah menyesali segala ketentuan yang Allah SWT telah berikan.

## **2.12 Adil**

**Pengertian dari Segi Bahasa:** Tidak berat sebelah, tidak memihak atau menyampaikan dari satu pihak kepada pihak yang lain (*al-musawah*).

**Pengertian dari Segi Istilah:** 'Mempersamakan' sesuatu dengan yang lain samada dari segi nilai dan ukuran supaya tidak menjadi berat sebelah serta tidak berbeza antara satu sama lainnya.

Selain itu, adil juga membawa pengertian "berpihak atau berpegang kepada kebenaran" iaitu keadilan yang lebih menitikberatkan kepada meletakkan sesuatu pada tempatnya yang betul.

### **2.12.1 Kepentingan Sifat Adil**

- 1) Terhindar dari sikap mengambil rasuah. Rasuah merupakan suatu pemberian atau penerimaan sesuatu sumber daripada jalan yang tidak dibenarkan oleh Islam. Amalan rasuah ini akan

mendatangkan kemurkaan Allah SWT, sebagaimana di dalam Surah al-Maa'idah (5) ayat 42:

سَمْعُونَ لِلْكَذِبِ أَكُلُونَ لِّلسُّحْتِ فَإِن  
جَاءُوكَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ  
وَإِن تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَن يَضُرُّوكَ شَيْئًا وَإِن  
حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ  
يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٤٢﴾

**Maksudnya:** Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu kalau mereka datang kepadamu, maka hukumlah di antara mereka (dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka; dan kalau engkau berpaling dari mereka maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu sedikitpun; dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. (42)

Oleh yang demikian, seseorang yang mengamalkan sifat adil ini akan terhindar daripada mengamalkan amalan rasuah.

- 2) Terhindar daripada sikap pecah amanah. Ini kerana pecah amanah merupakan salah satu daripada tiga sifat orang-orang munafik iaitu apabila diberikan sesuatu amanah ia akan mengkhianatinya. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari (33) dan Imam Muslim (59):

آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا أُؤْتِيَ حَانَ

**Bermaksud:** “Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila dia berbicara dia dusta, apabila dia berjanji tidak ditepati dan apabila diberi amanah dia khianati”.

Melalui hadis ini jelas menunjukkan sikap pecah amanah merupakan suatu sifat yang tidak baik dan tidak di galakkan oleh Islam serta digolongkan dalam golongan yang munafik. Sikap ini merosakkan individu dan masyarakat.

- 3) Di senangi oleh orang sekeliling dan kehidupan yang mendapat keberkatan daripada Allah SWT.
- 4) Dapat meleraikan perselisihan dan melahirkan kebersamaan sesama insan.
- 5) Dapat menyebarkan rasa cinta dan sayang melalui sifat adil yang diajarkan dalam Islam.
- 6) Mudah dan tenang dalam membuat sebuah keputusan.
- 7) Sifat adil melayakkan individu menjadi pemimpin yang baik dan saksama serta mendapat sokongan ramai.

# BAHAGIAN 3

## KESIMPULAN

### 3 KESIMPULAN

Akhlak merupakan aspek penting sebagai pelengkap kehidupan seseorang Muslim. Akhlak yang baik mendekatkan diri kepada Allah SWT, manakala akhlak yang keji menjauhkan diri dari Allah SWT. Kemuliaan akhlak disenangi ramai dan dijadikan contoh teladan. Rasulullah SAW sebagai model pembentukan akhlak mulia Muslim. Marilah kita sama-sama mengambil ibrah daripada kisah ibu Imam Malik yang berpesan kepada Imam Malik agar beliau duduk dalam majlis ilmu dengan Robi'ah Ibnu Abi 'Abdirrahman yang merupakan seorang fakih (Orang yang alim dan ahli dalam ilmu fekah) di Kota Madinah dengan berkata:

تَعَلَّمْ مِنْ أَدَبِهِ قَبْلَ عِلْمِهِ

**Bermaksud:** *“Pelajarilah adab daripadanya sebelum mengambil ilmunya”*

Kita hendaklah sentiasa berusaha untuk mendidik diri agar sentiasa berakhlak dengan sifat-sifat mulia. amalan akhlak yang mulia dalam kehidupan pada setiap masa hendaklah secara berterusan. Perkara ini penting untuk meningkatkan kemuliaan Islam yang sering menjadi sasaran pihak musuh Islam dengan pelbagai tohmahan dan slogan yang mencalar imej Islam dan umatnya.



## Rujukan

Al-Quran

Hadis

Abdullah Basmeih. 1968. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Al Mubarakfuri, Safiyyu al Rahman. 2016. *Sirah Nabawiyah*. Terjemahan oleh Muhammad Ramzi. Kuala Lumpur : YADIM.

Danial Zainal Abidin. 2003. *Empayar Minda Muslim : Modul Tarbiah Asas Alaf Ketiga*. Malaysia : PTS Publications & Distributors.

Haron Din. (2015). *Manusia dan Islam*. Selangor : PTS Publishing House.

Zulkifli Mohamad Al Bakri. 2016. *Indahnya Hidup Mencintai Rasulullah SAW*. Negeri Sembilan : Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

# AKHLAK

TAHAP ASAS

ISBN 978-967-25609-4-4



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM) 2021